

**500 Delegasi Negara OIC Akan Ke Malaysia Tinjau Peluang Pelaburan  
Bernama  
05 Mei, 2012**

PASIR PUTEH, 5 Mei (Bernama) -- Kira-kira 500 delegasi dari 60 negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) akan berada di Malaysia Jumaat depan bagi meninjau peluang pelaburan di negara ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata kunjungan mereka ke negara ini, adalah hasil kerja keras dan promosi berterusan kerajaan bagi menarik pelaburan asing.

"Ia antara kejayaan terbesar kerajaan dalam usaha menarik pelaburan terutama dari negara-negara Timur Tengah," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) kepada 1,000 penerima di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil (SMK), di sini.

Mustapa, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, bagaimanapun bimbang jika perhimpunan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) yang disokong pembangkang di ibu negara Sabtu lepas, berulang kerana ia akan membantutkan usaha menarik pelaburan asing ke negara ini.

Beliau berkata pada masa ini, keadaan tidak banyak terjejas kerana pelabur asing tahu bahawa Malaysia masih kuat mengamalkan sistem demokrasi yang memberi ruang kepada rakyat untuk memilih kerajaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664005>